

Etika, nilai dalam ilmu pendidikan tunjang kehidupan sejahtera

UB 22.11.2013 A3

Oleh HENRY BATING

utusanborneokk@gmail.com

KOTA KINABALU: Kehidupan yang lebih baik hendaklah berasaskan ilmu dan pendidikan yang bertunjangkan etika dan nilai.

Prof Datuk Sidek Baba berkata dalam konteks Malaysia yang mempunyai keunikan masyarakat majmuk, muafakat, perkongsian dan toleransi adalah penting.

“Perbezaan dalam aliran kepercayaan dan budaya hidup tidak sepatutnya dijadikan sebagai pertentangan. Sebaliknya, titik-titik persamaan perlu disuburkan untuk meraikan perbezaan demi mencapai kehidupan yang sejahtera,” katanya.

Beliau berkaça demikian dalam intipati syarahan umumnya kepada kira-kira 500 pelajar yang mengambil kursus Hubungan Etnik di Dewan Kuliah Pusat 1 Universiti Malaysia Sabah (UMS) 18 Nov lalu.

Hubungan Etnik merupakan kursus teras universiti yang dikendalikan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).

Sidek merupakan pakar yang banyak menumpukan penyelidikan berkaitan Hubungan Etnik di Malaysia.

Hadir pada syarahan itu ialah Timbalan Dekan Akademik PPIB, Dr Suraya Sintang mewakili Dekan Prof Vincent Pang dan kalangan pensyarah kursus Hubungan Etnik serta kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (Titas).

Sidek menegaskan persefahaman dan toleransi menjadi asas penting dalam mewujudkan kesejahteraan hidup bersama di mana setiap individu berhak hidup dan mendapat peluang yang adil.

“Setiap individu juga mempunyai hak untuk dilindungi undang-undang bagi membolehkan proses demokrasi benar-benar hidup demi menjamin kesejahteraan hidup,” katanya.